



جائزہ کیا سب سے بہتر کے لیے
KETUA HAKIM SYARIE

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang
Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427
Laman Web: <http://www.penang.gov.my/jabatan/Mah.Syariah/index.html>



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/1 (12)

Tarikh : 25 Mac 2015

4 Jamadil Akhir 1436H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 4 TAHUN 2015
PINDAAN OBJEKTIF KUALITI MS ISO 9001:2008
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Bilangan 1 Tahun 2014 pada 6 Februari 2015 telah bersetuju dan memutuskan untuk meminda Objektif Kualiti MS ISO 9001:2008. Objektif Kualiti MS ISO 9001:2008 pindaan 10 November 2014 adalah seperti berikut:

Objektif Kualiti

Objektif-objektif Kualiti Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang seperti berikut:-

- Dapat menetapkan tarikh sebutan/ bicara kepada pelanggan pada hari pendaftaran kes (100%);
- Dapat menyebut/membicarakan sesuatu kes mal, jenayah dan faraid dalam masa 21 hari selepas didaftarkan (100%);
- Dapat mendengar permohonan kes sebelah pihak dalam tempoh 14 hari selepas pendaftaran bergantung kepada lengkapnya dokumentasi (100%);
- Dapat mengeluarkan Perintah Faraid berlapis dalam masa 5 hari bekerja selepas pengiraan dan keputusan dibuat (100%);



NO. PENDAFTARAN: AR 3103



- e) Dapat mengeluarkan Perintah Faraid bagi kes faraid selapis dalam tempoh 1 hari selepas pengiraan dan keputusan dibuat (100%);
- f) Dapat menyebut/ membicarakan dalam setahun sekurang-kurangnya 90% daripada kes mal, jenayah dan faraid yang telah didaftarkan;
- g) Akan menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas setiap aduan pelanggan yang diterima dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan itu diterima 100%;
- h) Sebutan pertama sesuatu kes rayuan akan dapat didengar sekurang-kurangnya 90% dalam masa 30 hari selepas naskah rekod rayuan diterima daripada mahkamah yang keputusannya dirayu;
- i) Pendengaran kes sulh yang dihadiri dengan pencapaian status berjaya sekurang-kurangnya 60% setahun.
- j) Latihan kakitangan dihadiri sekurang-kurangnya 7 hari setahun (70%).
- k) Pihak pengurusan tertinggi komited untuk menyemak semula Objektif Kualiti dari semasa ke semasa yang bertujuan untuk menambahbaik keberkesanan kualiti perkhidmatan.

Sehubungan dengan itu, YA./ Tuan/ Puan hendaklah memastikan semua Objektif Kualiti tersebut dipatuhi dan dicapai sepenuhnya.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“ SYARIAH ASAS Keadilan”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang